

07 SEP 1999

Mahathir-Timor Timur

TERIMA KEPUTUSAN PUNGUTAN SUARA TIMOR TIMUR, KATA MAHATHIR

BANDAR JENGKA, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mahu supaya keputusan pungutan suara oleh penduduk Timor Timur diterima dengan baik.

"Kita nak keputusan itu diterima kerana kerajaan Indonesia buat keputusan untuk beri pilihan kepada rakyat Timor Timur sama ada mereka ingin kekal sebagai wilayah autonomi dalam Indonesia ataupun bebas.

"Sekarang ini mereka pilih untuk bebas dan terpaksa pihak tertentu terima keputusan," katanya pada persidangan berita pada penghujung lawatan dua hari ke Pahang di sini hari ini.

Sebelum itu Dr Mahathir berucap pada perhimpunan rakyat yang dihadiri oleh kira-kira 50,000 penduduk Jengka dan kawasan sekitarnya. Kebanyakan mereka adalah peneroka rancangan kemajuan tanah Felda.

Beliau diminta mengulas perkembangan terkini di Timor Timur, yang dilanda pergolakan. Sabtu lepas, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengumumkan bahawa 78.5 peratus penduduk Timor Timur memilih merdeka daripada Indonesia dan menolak tawaran autonomi dalam pungutan suara pada 30 Ogos lepas.

Laporan berita dari Jakarta hari ini menyebut bahawa Indonesia telah mengisytiharkan undang-undang tentera mengikut dekri Presiden di Timor Timur, berikutan rusuhan dan pembunuhan yang masih berlaku di wilayah itu.

Sementara itu Setiausaha Agung PBB Kofi Annan dilaporkan berkata hari ini bahawa masyarakat dunia akan menimbang untuk mengambil langkah-langkah perlu bagi menamatkan pertumpahan darah jika Jakarta menghentikan pembunuhan di Timor Timur dalam tempoh 48 jam.

Dr Mahathir berkata, Malaysia pernah melalui pengalaman mengadakan pungutan suara di bawah Suruhanjaya Cobbold pada suatu ketika dahulu untuk mengetahui sama ada penduduk Sabah dan Sarawak mahu kedua-dua negeri itu menjadi sebahagian daripada Malaysia.

Keputusan pungutan suara itu menunjukkan penduduk Sabah dan Sarawak mahu menyertai Malaysia dan ia telah diterima.

Kemudian Singapura menjadi sebahagian daripada Malaysia tetapi bersikap seolah-olah mereka adalah sebuah negara asing dan Malaysia rela memberi kebebasan kepada Singapura walaupun ia bermakna menyerahkan sebahagian daripada wilayah negara ini kepada orang lain, katanya.

Sebelum itu ketika berucap pada majlis perhimpunan rakyat Dr Mahathir meminta rakyat negara ini terutamanya masyarakat peneroka supaya berterima kasih kepada kerajaan dan bersyukur kepada tuhan kerana mendapat nikmat daripada kerajaan di tanah rancangan Felda.

Katanya, mereka adalah golongan yang bertuah terpilih ke rancangan Felda yang diadakan khusus untuk membantu masyarakat bumiputera yang tidak bertanah dan hidup dalam keadaan yang daif sebelum ini.

Kini mereka telah beroleh kemewahan dan adalah wajar bagi mereka berterima kasih kepada kerajaan dengan terus menyokong Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya akan datang.

"Buktikan dengan memberi sokongan kepada Barisan Nasional sepanjang masa," katanya.

Dr Mahathir meminta golongan peneroka supaya tidak terpengaruh dengan hasutan pembangkang untuk memancing undi dalam pilihan raya nanti terutamanya golongan yang menggunakan agama untuk kepentingan parti.

Golongan itu cuba menanam rasa kebencian rakyat terhadap kerajaan dengan tujuan untuk mendapat undi, katanya.

Yang turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaakob, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek.

-- BERNAMA  
AFY ROS NMO